

Perkembangan Institusi Islam di Sarawak Sebelum Pembentukan Malaysia
(Progression of Islamic institution in Sarawak before the formation of Malaysia)

Abdul Razak Abdul Kadir,* Saimi Bujang,** Awang Nib Zuhairi Awang Ahmad *** &
Hadenan Towpek ****

Abstrak

Ketika pemerintahan Kesultanan Brunei sehinggalah kepada penjajahan James Brooke di Sarawak menunjukkan landskap politik dan geografi yang berubah sama sekali. James Brooke mula campur tangan dalam hal ehwal Sarawak. Dia mula menakluki dari Tanjung Datu sehingga Batang Samarahan dan kemudiannya menguasai wilayah Brunei dari Simanggang ke wilayah sempadan Brunei. Pasca Perang Dunia kedua penjajahan Barat menjadi kukuh walaupun perjanjian asal antara Brunei dan Brooke iaitu mengawal pentadbiran dan pembangunan ekonomi dan tidak boleh mengganggu adat orang Melayu dan Islam, tetapi akhirnya penjajahan menguasai secara mutlak. Ini termasuk undang-undang Islam pada era James Brooke yang memperkenalkan Native Mohammedan Probate dan Mahkamah Perceraian. Objektif artikel ini ialah untuk menghuraikan perkembangan dari aspek institusi Islam sebelum pembentukan Malaysia dan perkembangan sosial masyarakat Islam di Sarawak. Artikel ini mengaplikasikan kaedah sejarah Kuntowijoyo iaitu heuristik (pengumpulan bahan sejarah), kritikan dalaman dan luaran, tafsiran sejarah dan pensejarahan. Hasil dari artikel ini menunjukkan bahawa tekanan kerajaan British selepas Sarawak diserahkan oleh Vyner Brooke kepada British tidak memburukkan institusi Islam yang ditubuhkan pada zaman Brooke dan selepasnya. Namun demikian, sosio masyarakat Islam sedikit sebanyak terpengaruh dengan budaya barat.

Kata kunci: Kesultanan Brunei, institusi Islam, James Brooke, Sarawak

Abstract

From the rule of the Sultanate of Brunei to the colonialism of James Brooke in Sarawak shown the political and geographical landscape completely change. Historically James Brooke starts to intervene in Sarawak affairs. He starts conquered from Tanjung Datu to Batang Samarahan turned into a huge territory due to the requisition of James Brooke to hand over some areas under Brunei from Simanggang to the border region of Brunei. Brooke's positioning until the Second World War caused the entire administration invaded by western colonialism in Sarawak. Based on original agreement between Brunei and Brooke Families, the later was to control the administration and economic development and must not interfere with the customs of the Malays and Islam, but in the end, colonialism is almost absolute. This includes Islamic law in the era of James Brooke which introduced Native Mohammedan Probate and Divorce Court. Thus, this article objectives to describe the development from the aspect of Islamic institutions and the sociology of the Islamic community in Sarawak. This article applies the historical method of Kuntowijoyo namely heuristics (collection of historical material), internal and external criticism, historical interpretation, and historiography. This article shows that the pressure of the British government after Sarawak was handed over by Vyner Brooke to the British did not tarnish the Islamic institutions that were established in Brooke's time and after. However, the socio-Islamic society is influenced by western culture.

Keywords: Brunei Sultanate, Islamic institution, James Brooke, Sarawak.

* Abdul Razak Abdul Kadir (corresponding author) (PhD), Associate Professor, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (Sarawak Campus), Sarawak, Malaysia. Email: abdurak1@uitm.edu.my.

** Saimi Bujang (PhD), Associate Professor, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (Sarawak Campus), Sarawak, Malaysia. Email: saimi496@uitm.edu.my.

*** Awang Nib Zuhairi Awang Ahmad, Jabatan Agama Islam Sarawak, Sarawak, Malaysia. Email: nibz@sarawak.gov.my.


**** Hadenan Towpek (PhD), Associate Professor, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (Sarawak Campus), Sarawak, Malaysia. Email: hadenan298@uitm.edu.my.

Pengenalan

Perkembangan Islam tidak terlepas dilihat dalam kontak kekuatan dan kekuasaan Brunei apabila berbicara tentang wilayah Sarawak dan sekitarnya. Brunei yang mempunyai peranan yang besar dalam pengembangan Islam di Sarawak semasa Sarawak di bawah taklukannya. Para Sharif yang dihantar berperanan besar dalam menanam akidah dan ibadah kepada penduduk tempatan sehingga masyarakat Islam secara konsisten menghayati dan mengamalkannya. Lanskap Islam yang berkembang dalam nuansa Islam Nusantara dengan ulamak sebagai agen perubahan tiba-tiba berubah apabila kolonisasi barat mulai menampakkan diri di kepulauan Borneo. Sarawak tidak terlepas dalam agenda negara barat lantaran sumber bumi yang kaya dengan emas, antimoni, sarang burung, rotan, kayu, rempah ratus, bauksit dan lain-lain.

Artikel ini menggunakan pendekatan kesejarahan (historiografi). Oleh yang demikian artikel ini menggunakan pendekatan Kuntowijoyo (1997) iaitu seperti ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah 1: Pendekatan Kesejarahan Kuntowijoyo (1997)



Artikel ini dimulakan dengan perbincangan latar belakang Sarawak yang diperintah oleh kerajaan Brunei. Brunei mempunyai hubungan Sarawak dan Sambas dari aspek penguasaan wilayah dan politik. Namun demikian, ruang dan peluang masalah dalaman Brunei terhadap jajahannya menjadikan James Brooke (1803-1868) tidak melepaskan hasratnya untuk memperolehi Sarawak secara betul dan salah. Kenapa betul dan kenapa salah? Betul kerana peluang dibuka oleh Pangeran Muda Hashim dan kenapa salah kerana merampas hak Sarawak dan wilayah lain secara paksa. Penguasaan berbentuk wakil Brunei (Gabenor) menjadi Rajah Sarawak menyebabkan James Brooke lupa pada janjinya dalam perjanjiannya dengan Brunei iaitu tidak mengganggu Islam dan adat budaya Melayu. Bahkan ada usaha pengembangan kristianisasi di kalangan orang Melayu namun gagal.¹

Artikel ini mengetengahkan tentang perkembangan masyarakat Islam di Sarawak sebelum kemerdekaan yang sudah tentu ada pengaruh jauh sebelum itu. Dalam perbincangan nanti, artikel ini membahaskan sejarah ringkas pemerintahan Brooke dan pengaruhnya tentang perundangan Islam. Selepas itu, artikel ini juga membincangkan tentang perkembangan Islam dalam institusi Islam atas inisiatif para ulama yang sanggup mempertahankan eksistensi Islam dalam bentuk pentadbiran seperti Majlis Islam Sarawak, institusi pendidikan dan dakwah. Namun demikian, kekuatan pengembangan institusi Islam oleh para ulama dari aspek sosio masyarakat Islam Sarawak sebahagian masih mempertahankan kehidupan Islam walaupun pada tahap sederhana.² Namun di satu sudut yang lain masyarakat Melayu terikut rentak ala barat ketika masyarakat penjajah mewarnai kehidupan dengan nuansa demikian.³

¹ Abdul Razak Abdul Kadir, Nurul Azhar Ahmad dan Siti Asmah Khalid (2022), "Membongkar Hubungan Kekeluargaan dan Politik Silam Kerajaan Sambas dan Brunei: Kajian Kualitatif Berasaskan Manuskrip," *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, Jil. 7, Bil. 45, h. 258-272.

² Abdul Razak Abdul Kadir (2007), *Dato Sri Anis bin Abot Pemikiran dan Sumbangannya Dalam Institusi Islam Negeri Sarawak*, Kuching: Majlis Islam Sarawak, h. 169.

³ Temu bual Abdul Razak Abdul Kadir bersama Anis Abot (2009).

Perbincangan

Latar Belakang Zaman Brooke Hingga Kolonial British

Hal campurtangan James Brooke di Sarawak bermula atas jemputan yang diminta sendiri oleh wakil atau Gabenor Sarawak pada masa itu iaitu Pangeran Muda Hashim mengambil kedudukan sebagai wakil Brunei di Sarawak menggantikan saudaranya membuat kelebihan Pangeran Muda Hashim (1846) untuk membuat sesuatu tindakan. Kebangkitan kemarahan pemimpin penduduk tempatan kerana bentuk pentadbiran Pangeran Indera Mahkota kurang disenangi mengakibatkan berlakunya pemberontakan yang dipimpin oleh Datu Patinggi Ali. James Brooke yang mempunyai kelengkapan kapal yang lengkap segera datang ke Kuching pada 29 Ogos 1840. James Brooke mempunyai sebuah kapal yang bernama *Schooner Yacht Royalist* yang dibelinya melalui wang peninggalan ayahnya, Thomas Brooke sebanyak £30,000.00.⁴ James Brooke sampai ke Tanjung Datu untuk masuk ke Sarawak pada 20 Ogos 1839. Beliau sampai ke sungai Sarawak dan berjumpa dengan Pangeran Muda Hassim. Pangeran Muda Hassim memohon bantuan James Brooke ketika pertemuan pertama kali di Kuching. Bantuan diberikan dengan syarat beliau menuntut jawatan yang disandang oleh Pangeran Indera Mahkota. Ia dipersetujui oleh Pangeran Indera Mahkota. Tetapi harus digaribawahi hanya sebagai gabenur atau residen untuk Sarawak bukan menjadi Rajah Sarawak. Namun demikian, James Brooke meletak dirinya sebagai *Rajah Sarawak* (sebutan Rajah adalah istilah yang merujuk kepada raja di Sarawak).⁵ Berdasarkan manuskrip Hashim (1841) prasyarat penyerahan Sarawak berdasarkan beberapa perkara seperti berikut:⁶

1. James Brooke Esquire memegang perintah [pemerintahan] negeri Sarawak (Dari Tanjung Datu ke Kuala Samarahan) dan takluknya;
2. Pemegang tunggal hasil mahsul Sarawak dan jajahannya;
3. Jika ada sebarang musuh di kalangan pelbagai peringkat, sultan dan wakilnya mengakui James Brooke Esquire sebagai gabenor; dan
4. Pangeran Muda melepas segala aktiviti berkaitan pemerintahan kecuali izin James Brooke dan jika ada aktiviti secara individu harus tunduk dan akur dengan perjanjian yang terjalin.

Pangeran Muda Hashim berani menyerahkan Sarawak dengan bersyarat kepada James Brooke atas kuasa yang ada padanya. Beliau mempunyai cop mohor sebagai wakil Sultan Brunei dalam apa juga bidang kuasa yang berkaitan hal ehwal Sarawak dan beliau merangkap Bendahara Brunei. Namun demikian, James Brooke tidak memperakui penyerahan bersyarat tersebut melainkan Sultan sendiri yang menyerahkan wilayah Sarawak kepadanya. Dua tahun berikutnya, surat perjanjian yang dibuktikan melalui manuskrip Saifuddin (1843) tersebut diperkukuhkan lagi dengan surat perjanjian yang dikeluarkan oleh Sultan Omar Ali Saifuddin II yang bertarikh 1 Jamadil akhir 1259 Hijriah bersamaan dengan 29 Jun 1843 Masihi.⁷ Pandangan lain mengatakan tarikh tersebut ialah 1 Ogos 1842.⁸ James Brooke memulakan kuasa sebagai gabenor Brunei tetapi akhirnya menjadi Rajah Sarawak tatkala berlaku peperangan antara Brunei dan James Brooke sehingga wilayah yang dikuasai Brooke bertambah sehingga wilayah Tengah, jajahan Brunei. Brunei akur dengan permintaan tersebut kerana Brunei bimbang banyak wilayah dikuasai oleh Brooke.⁹

Perkembangan Institusi Islam Sarawak

1. Majlis Islam Sarawak

Usaha dan campurtangan Brooke dalam pengurusan dan pentadbiran Islam di Sarawak sudah jelas pada awal pemerintahannya ketika beliau memperkenalkan *Native Mohammedan Probate and Divorce Court*. Dalam hal ini, campurtangan ini memang mencampuri urusan Islam dan adat istiadat Melayu Sarawak.¹⁰ Ada pihak yang menentang dan sebaliknya ada yang bekerjasama demi memastikan masyarakat Islam dapat bertahan dalam pemerintahan Brooke. Dengan adanya *Native Mohammedan*

⁴ A. B. Ward (1927), *Outlines of Sarawak History, 1839-1917*, US Government Printing Office, h. xx.

⁵ John Charles Templer (1853), *The Private Letters of Sir James Brooke, KCB, Rajah of Sarawak: Narrating the Events of His Life, from 1838 to the Present Time*, Vol. 3, Richard Bentley, h. 46

⁶ P. M. Hashim (1841), Penyerahan sarawak kepada James Brooke Bersyarat, (PS/A/SP/3/93), Pusat Sejarah Brunei, h. 1

⁷ S. O. A. Saifuddin (1843), *Surat Perjanjian Antara Sultan Omar Ali kepada James Brooke*. Surat Perjanjian Antara Sultan Omar Ali kepada James Brooke, (PS/A/SP/96), Pusat Sejarah Brunei, h. 1

⁸ Haji Awang Asbol bin Haji Mail (2009), "Kesultanan Melayu Brunei dalam Konflik Mukah pada Abad ke-19: Satu Perbandingan antara Perspektif Sumber Barat dan Tempatan," *Sosiohumanika*, Jil. 2, Bil. 2, h. 165-180.

⁹ Hasanuddin Bujang dan Saimi Bujang (2021), "Pengetahuan Masyarakat Islam di Sarawak terhadap Ar-Rahnu," *Jurnal Pengajian Islam*, Jil. 14, Bil. 2, h. 70-88.

¹⁰ Suffian Mansor dan Awang Azman Awang Pawi (2019), "Peradaban Melayu Sarawak dalam Konteks Nusantara," *Jurnal Melayu Sedunia*, Jil. 2, Bil. 1, h. 278-305.

Probate and Divorce Court dilihat Brooke campurtangan dalam mentadbir hal ehwal perkahwinan, perceraian, dan kematian di kalangan masyarakat Islam Sarawak.¹¹ Jawatan Datu Hakim diwujudkan bagi mengendalikan undang-undang yang berkaitan dengan isu kekeluargaan Islam iaitu perkahwinan, perceraian, pembahagian atau pewarisan harta, dan sebagainya.¹² Ini jelas menunjukkan James Brooke melupai perjanjian yang termeterai antara beliau dengan Sultan Omar Ali Shaifuddin II.¹³

Urusan hal ehwal Islam meskipun dikendalikan oleh orang Islam sendiri dengan pelantikan Datu Hakim, namun terikat dengan pentadbiran kolonial. Hal ini berlaku sehingga selepas Perang Dunia II. Selepas kekalahan Jepun dalam Perang Dunia Kedua, tentera British masuk kembali ke Sarawak dengan mengambil alih peranan keluarga Brooke yang selama ini memerintah Sarawak dari tahun 1841 sehingga 1947.¹⁴ Kedatangan British ini mendapat tentangan oleh orang Melayu. Penentangan ini) bukan sahaja mendapat tentangan orang Melayu tetapi turut mendapat tentangan dari masyarakat Dayak.¹⁵ Bahkan ketika pengundian berlaku untuk penyerahan Sarawak jumlah pengundian untuk penyerahan hanya majoriti tipis iaitu 19 undi yang menyokong berbanding dengan 16 undi yang menentang.¹⁶ Bahkan Majlis Islam Sarawak (MIS) diwujudkan pada tahun 1 Mei 1955 adalah untuk meredakan kemarahan orang Melayu.¹⁷

Penubuhan MIS pada 1 Mei 1955 merupakan titik awal kepada perkembangan Islam di Sarawak dalam bentuk pentadbiran secara berstruktur di bawah ordinar yang wujud ke atasnya. Ini ekoran wujudnya sebuah organisasi Islam yang lebih terancang dan tersusun di bawah pemerintahan kerajaan British. MIS didirikan selepas 9 tahun Sarawak diperintah oleh Kerajaan British (setelah diserahkan oleh Keluarga Brooke). Ia berperanan menggantikan Balai Datu (*Datu's Court*). Penubuhan MIS adalah berasaskan cadangan asal yang dikemukakan oleh Abang Hj. Musthapa Abang Hj Moasili (Datuk Bandar).¹⁸

Pada awal penubuhannya, ia dinamakan *Majlis Islam In-Corporation* dan merupakan sebuah jabatan kerajaan di bawah kerajaan British. Jumlah kakitangan pejabat MIS amat sedikit iaitu hanya lima orang iaitu seorang Presiden, Datu Hakim atau *magistrate* (setelah Datu Hakim meninggal dunia, Kerajaan British pada tahun 1959 melantik seorang Mufti baru, Sheikh Yusuf Shebli), seorang kerani kanan yang diperakui sebagai Setiausaha MIS, seorang kerani dan seorang budak pejabat. Peruntukan yang diberikan kepada MIS oleh Kerajaan British adalah sebanyak \$50,000.00 (Dalam matawang Dolar Malaya, Borneo dan Singapura yang digunakan oleh British di ketiga kawasan jajahan tersebut. Selepas tahun 1967 matawang Ringgit Malaysia diperkenalkan setelah lahirnya Malaysia (gabungan Sarawak, Sabah, Singapura dan Tanah Melayu membentuk Malaysia pada tahun 1963). Namun demikian, Singapura menarik diri pada tahun 1965) setahun dari tahun 1955 hingga 1964.¹⁹

Struktur Majlis Islam Sarawak (MIS) pada awalnya hanyalah dalam bentuk kerangka saja. Di bawah organisasi MIS terdapat Ahli Lembaga MIS yang dilantik tiga tahun sekali yang diketuai oleh Presiden. Ahli Lembaga dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Ahli Lembaga yang berfungsi dalam menjaga hal ehwal MIS dan Ahli Lembaga MIS berfungsi dalam memberikan pandangan tentang fatwa dan hukum hakam (majistret). Sekitar awal tahun 1960, turut dilantik beberapa pegawai agama yang ditugaskan untuk memberi ceramah iaitu Mohd Mortadza Daud (1927-2011) dan Abdul Kadir Hassan (1928-1988), *Muslim Affair Assistant*, seorang jurutaip dan penghantar notis.²⁰

¹¹ Najihah Abdul Mutalib dan Ismar Liza Mahani Ismail (2020), "Persepsi Masyarakat Tentang Peranan Ulama Silam Terhadap Perkembangan Islam di Sarawak: Kajian di Bahagian Bintulu," *Journal of Human Capital Development*, Jil. 13, Bil. 2, h. 21-36.

¹² Noranizah Yusuf, Wan Kamal Mujani dan Ezad Azraai Jamsari (2007), "Tokoh Ulama di Sarawak dan Peranannya terhadap Kelangsungan Islam Zaman Pemerintahan Brooke," *Nadwah Ulama Nusantara*, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 363-369.

¹³ Hashim Fauzy Yaacob (2021), "Perspektif Orientalisme Tentang Islam di Borneo," *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, Jil. 8, Bil. 2, h. 49-66.

¹⁴ Habid Buhigiba Muhammad Bustamam (1995), "Perkembangan Islam di Sarawak," *Latihan Ilmiah Sarjana Muda*, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 11-24.

¹⁵ Ho Hui Ling (2019), "Gerakan Antipenyarahan Di Sarawak, 1946-1949: Penentangan Orang Melayu Terhadap Penjajah British," *Journal of Al-Tamaddun*, Jil. 14, Bil. 1, h. 73-88.

¹⁶ Ho Hui Ling (2001), "Penyerahan Sarawak Kepada Kerajaan British, 1946-1951," *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Jil. 29, h. 43-73.

¹⁷ The Sarawak Government Gazette (1955), *Extraordinary Appointment of Members of Majlis Islam*, (Part V, Vol X, No 29, No. 573.), Majlis Islam Sarawak, Kuching, h. 1.

¹⁸ Abdul Kadir Hassan (1983), *Sejarah Penubuhan Majlis Islam Sarawak dan Latar Belakang Penubuhan Mahkamah Syariah*, Sejarah Majlis Islam Sarawak, Kuching: Majlis Islam Sarawak, h. 1.

¹⁹ Abdul Kadir Hassan (1975), *Sejarah Perkembangan Majlis Islam Sarawak*, No Ruj. 37/MI/1, h. 1.

²⁰ Anis Abot (2000), *Sejarah Majlis Islam Sarawak*, Kuching: Majlis Islam Sarawak, h. 1

Yang di-Pertua Majlis Islam Sarawak yang pertama adalah Datu Abang Haji Openg bin Abang Sapi'ee. Manakala ahli-ahli terdiri daripada Abang Bah'udin Taha, Busrah Osman, Mohamed Yacob, Bolhassan Daud, Che Jol Abdul Karim, Seruji Ali dan Abang Morni Abang Latif. Datu Hakim secara automatik sebagai ahli *Ex Officio* tanpa pelantikan. Berdasarkan sub perkara 3, seksyen 9 mengatakan bahawa pelantikan mereka adalah selama 3 tahun daripada tahun 1955-1958. Setiausaha MIS yang pertama adalah Abang Daim Abdul Rahim. Dalam masa yang sama, Ahli Majlis Islam Sarawak khusus untuk mengurus hukum hakam dan fatwa turut dilantik.²¹ Mereka terdiri daripada Abang Baha'udin Taha, Bolhassan Daud, Mohammad Mortadza Daud, Che Jol Abdul Karim, Wan Madihi bin Sayed Osman dan Abdul Hye. Pelantikan mereka berkuatkuasa pada 1 Mei 1955. Datu Hakim juga secara automatik sebagai ahli *Ex Officio* tanpa pelantikan. Menurut Pelantikan yang kedua Ahli MIS berlaku pada 1 Mei 1958. Pelantikan ini selama tempoh tiga tahun iaitu hingga tahun 1961. Mereka yang dilantik adalah Dato Abang Hj. Openg Abang Shafiee, Datu Abang Morni Abang Latif, Abang Baha'udin Taha, Bushrah Osman, Mohamad Yacob, Bolhassan Daud, Che Jol Abdul Karim dan Seruji Ali.²² MIS masih menetapkan orang yang sama dalam keanggotaan ahli MIS. Manakala Ahli-Ahli MIS untuk hal ehwal fatwa adalah Abang Baha'udin Taha, Bolhassan Daud, Abang Zawawi Abang Latif, Che Jol Abdul Karim, Wan Madhi Sayed Osman dan Ismail Marica. Abang Zawawi menggantikan Mohd Mortadza Mohd Daud kerana Mohd Mortadza Mohd Daud menyambung pengajian ke Kolej Islam Malaya. Manakala Ismail Marica menggantikan Abdul Hye atas kedudukannya sebagai wakil India Muslim dalam kerusi ahli Majlis Islam Sarawak.²³

Mereka yang dilantik untuk period ketiga antara tahun 1961-1964 adalah Dato Abang Openg Abang Shafiee, Datu Abang Morni Abang Latif, Seruji Ali, Abang Mansawi Abang Arif, Abang Zawawi Abang Latif, Abang Mustapha Abang Gapar, Dol Osman (Beliau merupakan Ketua Kaum di Kuching dan mempunyai pengalaman dalam hal ehwal orang Melayu Kuching) dan K.S. Abdul Majeed.²⁴ K. S. Abdul Majeed menggantikan Ismail Maricar atas kedudukannya sebagai wakil India Muslim dalam kerusi ahli Majlis Islam Sarawak. Perubahan ahli dalam Majlis Islam Sarawak adalah berdasarkan kepada keperluan semasa seseorang yang dilantik atas sebab pengaruh, kepakaran dan pengetahuan yang luas dalam hal ehwal orang Melayu dan Islam.²⁵

Ahli-ahli MIS untuk hal ehwal fatwa ialah Abang Baha'udin Taha, Che Mohd. Jol Abdul Karim, Abang Zawawi Abang Latif, Abdul Kadir Hassan (1928-1988), Mohd. Mortadza Daud dan K.S. Abdul Majeed. Apabila Abdul Kadir Hassan (1928-1988) dan Mohd Mortadza Daud menamatkan pengajian di Kolej Islam Malaya dan kembali ke Sarawak, kedua-duanya dilantik menjadi Ahli Majlis Islam Sarawak dalam urusan hal ehwal fatwa.²⁶

Perundangan berkaitan pentadbiran hal ehwal Islam di Sarawak adalah mengambil dari undang-undang yang sedia ada yang diolah dari zaman kolonial iaitu Undang-Undang Mahkamah Melayu Sarawak (UUMMS) 1915. UUMMS digunakan oleh Balai Datu untuk menjalankan pelaksanaan Undang-Undang adat Melayu dan Syariah Negeri Sarawak. *Datu's Court* terdiri daripada Datu Bandar, Datu Temenggong, Datu Imam dan Datu Hakim iaitu Datuk Hakim Abang Haji Abdul Rahman (dikenali sebagai Datuk Hakim Keramat), Datuk Hakim Abang Haji Ashaari (anak Datuk Hakim Keramat) yang belajar di Makkah, Datuk Hakim Abang Azhari, Datuk Hakim Abang Haji Halil, Datuk Hakim Morshidi (juga Datuk Imam) dan Datuk Hakim Abang Haji Mohiden.²⁷ Namun demikian, sebelum kewujudan UUMMS, terdapat tiga Surat Perintah yang dikeluarkan oleh Keluarga Brooke bagi masyarakat Islam di Sarawak. Tiga Surat Perintah tersebut adalah Surat Perintah 13 Mac 1893 yang mengatur tentang perkahwinan "orang dagang" (Orang dagang bermaksud orang luar yang datang ke Sarawak) dengan gadis Sarawak, Surat Perintah 16 Mei 1898 yang memperuntukkan pendaftaran perkahwinan dan perceraian orang Islam di bawah kuasa Tua Kampung dan Penghulu dan Surat Perintah 16 November 1896 yang memperuntukkan tentang pewarisan dan legasi.²⁸

²¹ The Sarawak Government Gazette (1955), *Appointment of Members of Majlis Islam, Extraordinary Appointment of Members of Majlis Islam*, (Part V, Vol X, No 29, No. 573.), Majlis Islam Sarawak, Kuching, h. 2

²² Pejabat Majlis Islam Sarawak (1958), *Ahli Majlis Islam Sarawak*, No. 20/MI/34, h. 1

²³ Temu bual Abdul Razak Abdul Kadir bersama Anis Abot (2009).

²⁴ Pejabat Majlis Islam Sarawak (1961), *Ahli Majlis Islam Sarawak*, No. 25/MI/34, h.1.

²⁵ Temu bual Abdul Razak Abdul Kadir bersama Anis Abot (2009).

²⁶ Pejabat Majlis Islam Sarawak (1961) *Ahli Majlis Islam Sarawak*, h.1.

²⁷ Abdul Kadir Hassan (1985), "Sejarah Ringkas Perundangan Bagi Umat Islam Negeri Sarawak," dalam *Buku Cenderamata Sempena Perasmian Mahkamah Syariah Negeri Sarawak*, Kuching: Mahkamah Syariah, h. 2

²⁸ Che Bakar Che Mat (ed.) (2006), *Perkembangan Islam di Nusantara*, Shah Alam: UiTM Press, h. 213-228.

UUMMS dibentuk di Kuching, Sarawak pada 9 September 1910 oleh Datu Bandar, Datu Temenggong, Datu Imam, Datu Hakim dan Mohd. Zain. Ia diputuskan dan digazet pada tahun 1915M bersamaan dengan 1333H. Dalam UUMMS terdapat enam puluh tujuh fasal yang membincang beberapa perkara tentang adat istiadat, etika masyarakat Melayu, harta pusaka, perkahwinan, cerai, rujuk, waris dan lain-lainnya.²⁹ Namun demikian, pada tahun 1926, pindaan dilakukan dengan memansuh Fasal 62 (pembahagian harta pusaka). Pindaan dibuat pada tahun 1932 yang melibatkan pindaan terhadap kadar denda terhadap pesalah.³⁰

Pada tahun 1956, menurut pindaan seterusnya diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Islam Sarawak pada 30 dan 31 Julai 1956, Dewan Majlis Bandaran Kuching. Ia dihadiri oleh setiap wakil dari bahagian Kuching, Simanggang (Sri Aman), Sibul, Bintulu dan Miri. Ada dua bentuk pindaan yang dibuat. Pindaan yang pertama melibatkan penambahan kepada undang-undang sedia ada dari enam puluh enam (66) fasal kepada tujuh puluh satu (71) fasal. Lima tambahan undang-undang baru tersebut adalah seperti berikut:³¹

1. Pungutan Zakat dan Fitrah;
2. Keputusan Wali;
3. Anak Angkat akan mewaris harta pusaka;
4. Lafaz Taklik; dan
5. Perempuan Islam mengikut orang yang beragama lain (berkahwin atau tidak).

Bentuk pindaan kedua adalah pertukaran penggunaan matawang Rial kepada Ringgit. Pesalah fasal ke 18 yang membincangkan kes menggagap (rogol) perempuan, perempuan tunang orang dan isteri orang.

2. Perkembangan Institusi Pendidikan Islam

Pendidikan awal Islam di Sarawak secara formal dilihat sejajar dengan berdirinya sekolah-sekolah Melayu seperti Sekolah Enche Boyong, Mecca School pada tahun 1861, sekolah Datu sebelum tahun 1876, pada tahun 1883 iaitu sekolah Kampung Jawa dan tahun 1893 iaitu sekolah Gersik. Pada tahun 1899, wujudnya sekolah yang berorientasikan Islam iaitu *The School For The Study of Mahammedan Theology* yang mengajar ilmu al-Quran dan tulisan jawi. Maklumat sekolah ini tidak dapat diketahui sehingga sebahagian besar sekolah tersebut tutup begitu sahaja.³²

Kebangkitan masyarakat Islam lahir daripada institusi pendidikan Islam seperti berdiri Madrasah Al-Islamiyah. Ibubapa begitu ghairah menghantar anak-anak mereka ke sekolah tersebut. Namun demikian, kebangkitan tersebut disambut resah oleh pemerintah British. British mendirikan sekolah yang setanding dengan al-Madrasah Al-Islamiyah dengan mendirikan Madrasah Melayu. Hadirnya sekolah tersebut dengan daya tarikan yang kuat, maka Madrasah Al-Islamiyah mengalami kemerosotan dari segi jumlah pelajar kerana ramai yang berpindah ke Madrasah Melayu.³³

Kebanyakan orang Melayu Sarawak sekitar abad ke-19 didedahkan kepada asas pendidikan Islam tanpa mengutamakan ilmu keduniaan yang lain. Asas pendidikan tersebut hanya mengutamakan pendidikan bacaan al-Quran dan kemahiran membaca dan menulis jawi. Selain daripada pendidikan tersebut, kesemuanya dianggap ilmu kafir yang dibawa oleh para penjajah. Hal ini diakui sendiri oleh sarjana barat, Hugh Low dalam penulisannya yang bertajuk: *Sarawak; Its Inhabitants and Production Being Notes During Residence In That Country With H.H Rajah Brooke*. Beliau menerangkan bahawa perwatakan masyarakat Melayu Islam pada abad ke 19 lebih menjuruskan kepada asas-asas pemahaman Islam sahaja yang berlatar belakang pendidikan al-Quran.³⁴

²⁹ Sarawak Government Gazette (1957), *Undang-Undang Melayu Sarawak*, Kuching: The Sarawak Government Printing Office & W.J Chater, Government Printer, h. 19

³⁰ Abdul Kadir Hassan (1984), "Undang-Undang Melayu Sarawak, 1956," dalam *Buku Cenderamata Pembukaan Rasmi Bangunan Mahkamah Syariah Sarawak*, Kuching: Mahkamah Syariah, h.20.

³¹ Sarawak Government Gazette (1957), *Undang-Undang Melayu Sarawak*, h. 20.

³² Habid Buhigiba (1995), "Perkembangan Islam di Sarawak," h. 28-35.

³³ Abdul Razak, Nurul Azhar dan Siti Asmah (2022), "Membongkar Hubungan Kekeluargaan dan Politik Silam Kerajaan Sambas dan Brunei," h. 258-272.

³⁴ Habid Buhigiba (1995), "Perkembangan Islam di Sarawak," h. 28-35.

Wacana pendidikan Islam di Kuching pada peringkat awal terbentuk dalam empat jenis seperti berikut:³⁵

1. Kelas yang diwujudkan oleh orang besar dan kenamaan;
2. Kuliah yang dibuat oleh tokoh ulama Sarawak seperti Datu Hakim Asaari dan Datu Imam Abang Hj. Suhaili (Kedua-dua tokoh tersebut banyak disebut sebagai tokoh ulama akhir abad ke-19 yang dilantik menjadi Hakim di Balai Datu dan Datu Imam. Namun demikian, tidak ada sejarawan menulis secara komprehensif tentang kebanyakan tokoh ulama Sarawak seperti mereka berdua);
3. Penyebaran ilmu melalui lawatan dan ziarah oleh golongan ulama yang membuka kelas dan pengajian pada setiap persinggahan; dan
4. Mengadakan kunjungan dan menetap di situ untuk tujuan penyebaran ilmu Islam.

Sebelum memahami pendidikan Islam secara khusus, perlu difahami bahawa pendidikan secara umum di Sarawak berdasarkan kepelbagaian etnik dan agama. Oleh yang demikian terdapat perbezaan dalam sistem pengurusan sekolah di Sarawak terutama sebelum Sarawak menyertai Tanah Melayu untuk membentuk Malaysia. Perbezaan tersebut disebabkan oleh kepelbagaian dalam suku bangsa yang terdapat di Sarawak yang mempunyai tujuan dan matlamat yang berbeza antara suku bangsa bahkan agama.³⁶

Masyarakat Melayu di Sarawak pada tahun 1950, sebilangan besarnya masih dikategorikan buta huruf. Tidak ramai cerdik pandai orang Melayu pada masa tersebut. Ahmad Zaidi (1924-2000), Mantan Yang Di Pertua Negeri Sarawak sewaktu beliau berucap di Mesyuarat Agung Tahunan Barisan Pemuda Sarawak (BPS) di panggung Kampung Bandarsyah bahawa orang Melayu rugi jika sekiranya mencapai kemerdekaan. (Ahmad Zaidi Edruce merupakan Presiden Barisan Pemuda Sarawak (BPS) setelah beliau menamatkan pengajiannya di peringkat ijazah Sarjana Muda di luar negeri). Ini atas alasan kerana orang Melayu masih ramai yang buta huruf iaitu tidak tahu membaca dan menulis.³⁷

Namun demikian, selepas tiga tahun Sarawak menyertai Tanah Melayu yang membentuk Malaysia pada tahun 1963, kepelbagaian pihak pengurusan sekolah masih kekal. Secara prinsipnya, sekolah di Sarawak diurus oleh beberapa pihak iaitu:³⁸

1. Kerajaan Pusat- Mengendalikan sekolah menengah di Sarawak;
2. Pihak Berkuasa Tempatan- mengendalikan sekolah rendah dalam kawasan masing-masing;
3. Pihak Misi Gereja- mengendalikan sekolah rendah dan menengah yang berasaskan agama Kristian;
4. Masyarakat Cina- Masyarakat Cina memilih pengurusan sekolah untuk mengendalikan sekolah rendah dan menengah; dan
5. Masyarakat Umum- Terdapat kepelbagaian kumpulan atau etnik dari masyarakat kampung yang mengendalikan sekolah menengah tanpa bantuan kerajaan (seperti Sekolah Agama Rakyat).

Sekolah yang mewakili masyarakat Islam Sarawak yang terkenal ialah al-Madrasah al-Islamiyah. Sekolah yang terawal dan masih bertahan sehingga sekarang ini. Sekolah ini dibina pada tahun 1937 oleh pengasas berketurunan India Muslim, A. Mohammad Shariff. Tenaga pengajar pertama dan sekaligus sebagai Guru Besar sekolah ini adalah Sharkawi Osman. Nama asal sekolah ini adalah al-Madrasah al-Morshidiyah. Nama tersebut bersempena dengan nama Datu Imam Hj. Morshidi Abang Hj. Naruddin. Selepas itu, nama tersebut ditukarkan dengan nama yang sedia ada atas kehendak Datu Hakim Imam Hj. Morshidi. Sekolah ini menyediakan pendidikan sepenuh masa untuk peringkat menengah. Manakala kurikulumnya mengambil silabus al-Madrasah al-Junaid al-Islamiyah, Singapura. Hubungan sekolah ini dengan al-Madrasah al-Junaid al-Islamiyah, Singapura amat baik. Kebanyakan para pelajar Sarawak yang menamatkan dari sekolah ini dihantar ke al-Madrasah al-Junaid al-Islamiyah,

³⁵ Ezad Azraai Jamsari (2003), "Peranan Pendidikan Islam Dalam Pembentukan Budaya Masyarakat Islam di Kuching, Sarawak," Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 123.

³⁶ Sarawak Education Department (1955), *Sarawak Education Department Annual Summary for 1955*, The Sarawak Government Printing Office & W.J Chater, Government Printer, h.1.

³⁷ James Ritchie (2001), *Tun Ahmad Zaidi: Anak Watan Sarawak*, Selangor: Pelanduk Publication, h.104.

³⁸ Sanib Said (2009), *Malay Politics In Sarawak 1946-1966: The Search For Unity And Political Ascendancy*, Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak, h.115.

Singapura.³⁹ Madrasah ini mempunyai kurikulum yang terbaik dalam bidang pengajian Islam dan turut menggabungkan aliran kurikulum untuk pembangunan akademik pelajar.⁴⁰

Dalam hal ini, Madrasah Islamiyah dijalankan bersebelahan dengan Masjid India, Kuching. Masjid India (atau lebih dikenali sebagai Masjid Tambi oleh penduduk tempatan) sudah wujud semenjak sebelum tahun 1850. Ia dibina oleh orang India Muslim dari Selatan India yang berdagang di Sarawak. Menurut Mc Dougall, masjid ini pada tahun 1850 dibina dengan menggunakan kajang sebagai dinding dan atap nipah sebagai atapnya. Kemudian pada tahun 1876, masjid tersebut diubah dengan menggunakan papan sebagai dinding dan atap belian sebagai atapnya. Waktu pembelajaran di al-Madrasah al-Islamiyah adalah dari pukul 7.00 pagi hingga 12.00 tengahari.⁴¹

Al-Madrasah al-Islamiyah menjadi tumpuan utama orang Melayu (terutama Kumpulan 338) pada waktu itu untuk menghantar anak mereka belajar (Kumpulan 338 adalah sekelompok orang Melayu yang berhenti dari perkhidmatan dengan Kerajaan Brooke sebagai protes mereka terhadap penyerahan Sarawak kepada Kerajaan British). Al-Madrasah al-Islamiyah terkenal sebagai tempat yang menjadi sarang Gerakan *Anti Cession* (Gerakan anti cession ini adalah gerakan yang mahukan supaya Brooke kembali memerintah dan bukannya diserahkan kepada British. Persatuan Melayu Sarawak berusaha ke arah tersebut kerana jikalau menuntut kemerdekaan tidak mungkin kerana masalah ketiadaan tokoh. Dalam masa yang sama di kalangan datuk-datuk orang Melayu pada asas pada zaman Brooke mereka mendapat kedudukan yang istimewa. Mereka khuatir kuasa dan kedudukan mereka turut hilang). Gerakan *Anti Cession* pada waktu itu, berada pada kemuncaknya di Sarawak.⁴²

Alasan yang diberikan Vyner Brooke terhadap penyerahan tersebut adalah masyarakat Sarawak merasakan senang apabila mendapat bantuan kewangan dan teknikal daripada Kerajaan British setelah penyerahan tersebut. Di samping itu, mereka mendapat kesejahteraan sosial yang tidak pernah dirasakan sebelumnya. Tapi gerakan tersebut menuntut kemerdekaan daripada pemerintahan Brooke. Keahliannya seramai lebih kurang 35,000 orang seluruh Sarawak.⁴³

Terdapat usaha Kerajaan British, pengganti Keluarga Brooke di Sarawak untuk membendungkan pengaruh al-Madrasah al-Islamiyah yang menjadi tulang belakang kepada Para Pejuang 338. Mereka mewujudkan Madrasah Melayu sebagai tandingan kepada al-Madrasah al-Islamiyah. Dalam hal ini, Kerajaan British berjaya mempengaruhi pemikiran masyarakat Melayu. Kebanyakan ibubapa menghantar anak-anak mereka ke Madrasah Melayu sehingga menyebabkan al-Madrasah al-Islamiyah tidak mendapat sambutan sebagaimana yang berlaku sebelumnya.⁴⁴

Sambutan daripada penduduk Kuching terhadap sekolah ini baik walaupun saingan sengit daripada Madrasah Melayu. Ini memandangkan kebangkitan semangat Islam di kalangan mereka memang luar biasa kerana menyangkut pendidikan Islam di kalangan anak-anak Islam Sarawak. Sambutan yang menggalakkan tersebut, melahirkan beberapa orang tokoh agama di Sarawak.⁴⁵

3. Perkembangan Institusi Dakwah

Islam di Sarawak pada awalnya khususnya pasca kolonial tidak menampakkan aktiviti dakwahnya secara serius kerana beberapa faktor yang mendorong ke arah tersebut.⁴⁶

1. Islam dipelajari melalui pendidikan non formal bukan jalur dakwah. Kedatangan Islam banyak pengaruh daripada Sambas. Pengaruh Islam bukan kerana ajaran Islam yang hakiki tetapi lebih kepopularan tokoh ulama Sambas yang mempunyai ilmu yang luar biasa. Salah satu cerita yang didengar penduduk Sarawak yang dianggap luar biasa iaitu cerita seorang tokoh (Sheikh Ahmad Basiuni Sambasi). Isterinya mengandung dan mereka pada waktu itu berada di Makkah. Isteri mengidam makan buah pisang tanduk. Alim tersebut dengan hikmah ilmu yang luar biasa mampu mengambil buah pisang tanduk di Sambas. Kerabatnya hairan buah pisang

³⁹ Ezad Azraai (2003), "Peranan Pendidikan Islam Dalam Pembentukan Budaya Masyarakat Islam di Kuching," h.123.

⁴⁰ Naimah Radzi dan Avid Leonardo Sari (2019), "Islamic Education in Singapore: Case Study Madrasah Al-Juneid Al-Islamiyah," *International Journal of Science And Society*, Jil. 1, Bil. 2, h. 14-26.

⁴¹ Ho Ah Chon (t.t.), *Kuching In Pictures 1840s-1960s*, Kuching: Vanguard Press, h. 33.

⁴² Temu bual Abdul Razak Abdul Kadir bersama Anis Abot (2009).

⁴³ Chon (t.t.), *Kuching In Pictures 1840s-1960s*, h. 34.

⁴⁴ Temu bual Abdul Razak Abdul Kadir bersama Anis Abot (2009).

⁴⁵ Muda@Ismail Abdul Rahman, F. S. I. (2003), "Peranan Ulama Sarawak Dalam Perkembangan Pendidikan Islam di Sarawak," *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II*, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 522-533.

⁴⁶ Temu bual Abdul Razak Abdul Kadir bersama Anis Abot (2009).

tanduk seperti diambil oleh orang. Mereka tidak tahu yang mengambil buah pisang tersebut ialah sheikh berkenaan. Apabila orang mendengar cerita tersebut maka cerita menjadi buah mulut sehingga ke Kuching. Oleh yang demikian ramai di kalangan orang Sarawak ingin memahami persoalan Islam yang dianggap menarik bagi mereka. Kalangan anak murid yang mempelajari ilmu daripada ulama tersebut ialah terdiri daripada guru agama yang berperanan mengajar ilmu-ilmu Islam melalui surau. Guru agama Sarawak sebenarnya bukannya alim ulama yang sebenarnya jika diukur dengan makna ulama yang difahami sekarang.

2. Pendidikan Islam asas yang dipelajari di surau dan masjid. Islam hanya dipelajari dalam bab ibadah sahaja seperti mengaji al-Quran, zikir marhaban, solat, puasa (puasa memang susah diamalkan kerana guru agama yang mengajar dalam bentuk yang memberikan gambaran bahawa puasa itu susah). Misalnya sahur mestilah tengah malam (jam dua belas malam), tidak boleh mandi kerana membatalkan puasa dan tidak boleh menelan air liur dan haji (Pergi haji hanya untuk menaik status individu kerana apabila balik menunaikan haji mereka dipanggil 'tuan haji' atau 'mak haji') sahaja. Mereka belajar bukan menggunakan kitab tetapi mendengar langsung daripada guru agama. Kitab Sabil Muhtadin tidak digunapakai kerana susah difahami. Asas tauhid iaitu sifat 20 sahaja. Boleh dikatakan pendidikan Islam adalah terhad untuk pembangunan diri sendiri dalam pegangan dan bukannya untuk orang lain.
3. Istilah dakwah baru timbul setelah gerakan Abdul Rahman Yaakub melalui Angkatan Nahatul Islam Bersatu (BINA) masuk ke perkampungan dayak di Sarawak. Gerakan ini lebih bersifat sementara kerana tujuan dakwah tersebut bukan dakwah yang hakiki tetapi untuk meramaikan jumlah yang memeluk Islam di kalangan masyarakat dayak. Kecenderungan tersebut ada kebenarannya kerana setiap yang memeluk Islam akan diberikan tiga puluh ringgit. Persepsi masyarakat dayak bukan memeluk Islam tetapi hanya masuk BINA sahaja. Bahkan semasa Kongres Islam Malaysia Timur I, 1968 tidak menggunakan perkataan dakwah tetapi dalam usulnya iaitu menubuhkan badan yang membawa orang masuk Islam.
4. Dakwah kristian lebih menonjol dan sistematik. Mubaligh kristian tidak menggunakan perkataan dakwah tetapi menggunakan perkataan missionari yang membawa konotasi dakwah. Pendekatan berhemah dengan menggunakan konsep kasih sayang membawa kepada perubahan kepada penganut pagan (menyembah roh nenek moyang) iaitu berminat masuk kristian. Bagi masyarakat Melayu mereka tetap bertahan dengan Islam tetapi dari aspek pendidikan dan kesihatan mereka sanggup menghantar ke sekolah dan perubatan yang dimiliki oleh Kristian.

Polemik masyarakat Melayu dalam memahami Islam bukan sebagai amalan kehidupan yang menyeluruh. Hanya sebagai sebatas ibadah yang mampu dikerjakan sahaja. Jauh sekali untuk sebagai agen perubahan kepada masyarakat Melayu yang lain. Cabaran yang cukup besar adalah gaya hidup mereka banyak dipengaruhi dengan hidup keduniaan yang dicanangkan oleh para penjajah. Konsep kehidupan yang melambang kesenangan, hidup berseronokan seperti wanita dan minuman keras seolah-olah bukan jadi masalah kepada masyarakat Melayu. Bahkan semasa tilawah al Quran, para qori sebahagian mengambil minuman keras untuk menghilangkan rasa gementar untuk pertandingan membaca al-Quran. Saat ketika menjelang hari raya, sebahagian rumah masyarakat kampung masih menyediakan minuman keras untuk hidangan hari raya.⁴⁷ Dakwah yang dimainkan dan didendangkan oleh para ulama yang bergerak dalam organisasi Majlis Islam Sarawak lebih memfokuskan perkara dasar untuk mengembalikan asas-asas Islam yang betul tetapi dengan adanya BINA atau dikenali Harkah Islamiyah (HIKMAH) menggerakkan dakwah secara tersusun dan terorganisasi. Abdul Kadir Hassan(1928-1988), Mohd Mortadza Daud (1927-2011), Anis Abot(1940-2020), Fathi Duet dan lain-lain menggunakan pendekatan berhikmah untuk menyedarkan kembali masyarakat Melayu yang pro kehidupan barat. Apatah lagi ketika Majlis Islam Sarawak wujud sebagai organisasi dalam pemerintahan pergerakan mereka terbatas kepada pentadbiran semata-mata dan bukannya untuk pengembangan dakwah Islam.⁴⁸

4. Perkembangan Sosio Masyarakat Islam Sarawak

Kehidupan masyarakat Melayu Islam di Sarawak semasa Brooke dianggap kehidupan biasa. Ia sekadar hanya keperluan kehidupan sebagai orang Islam yang mudah. Amalan solat masih diamalkan tetapi hanya untuk golongan orang tua dan hanya sedikit anak muda. Masjid yang pertama pada tahun 1839 dibina mengikut bentuk pola senibina Nusantara (atap bertumpang). Penyampaian khutbah Jumaat

⁴⁷ Temu bual Abdul Razak Abdul Kadir bersama Anis Abot (2009).

⁴⁸ Lihat juga Juanda Jaya (2003), "Organisasi Dakwah Bukan Kerajaan di Sarawak: Sejarah dan Peranan," dalam *Islam di Sarawak dan Sabah*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h.90.

menggunakan bahasa Arab. Namun demikian, tidak ada fakta sejarah yang menunjukkan kebangkitan Islam yang ketara pada zaman tersebut meskipun khutbah dalam bahasa Arab.⁴⁹

Usaha yang diambil oleh keluarga Brooke untuk meletakkan kolonialisasi sebagai alat untuk menebarkan kristianisasi di kalangan penduduk Sarawak memang tinggi. Brooke memungkirkan dalam beberapa perjanjian yang diperpanjangkan oleh para sultan agar tidak mengganggu pegangan umat Islam Sarawak dan adat istiadat Melayu.⁵⁰ Mana mungkin sejarah Sarawak boleh melupai sahaja Francis Thomas McDougall yang berusaha keras mengkristiankan orang Melayu melalui beberapa langkah yang aktif melalui lubang pendidikan. Anak Melayu di Sarawak pada zaman tersebut menempuh kesukaran pendidikan dengan diwajibkan mempelajari ajaran kristian di sekolah. Oleh yang demikian, pada tahun 1847, *Borneo Church Mission* (BCM) ditubuhkan dengan bantuan penuh oleh sebuah pertubuhan gerakan agama Kristian, *Church Missionary Society* (CMS). Gereja BCM memulakan gerakannya dengan menerima seorang Reverend Francis Mc Dougall, seorang doktor dan pembantu perubatan, William Bodham Wright.⁵¹

Islam pada zaman Brooke tidak menampakkan perkembangan yang ketara. Kebanyakan sejarawan mengatakan bahawa kesan kristianisasi oleh *Anglican Society for the Propagation of the Gospel* (SPG) menenggelamkan perkembangan Islam. James Brooke berucap dalam satu perhimpunan diadakan di England dengan menggesa supaya misionari Kristian dapat mengembangkan sayapnya ke Sarawak kerana belum disentuh oleh ajaran Kristian. Beliau menegaskan bahawa jaminan dan keselamatan diberikan kepada para mubaligh Kristian yang bertugas di Sarawak. Tujuan James Brooke mengajak demikian, supaya dapat menumpukan pemerintahan sepenuhnya. Di samping itu, kehadiran mubaligh Kristian ini dapat mewujudkan hospital dan sekolah yang berorientasikan ajaran Kristian. Gereja Anglican merupakan pegangan ajaran Kristian bagi keluarga Brooke.⁵²

Misi Anglican tersebut merupakan misi terawal selama lebih kurang 33 tahun sehingga masuknya misi Roman Katolik pada tahun 1881. Kemudian disusuli oleh gerakan misi Methodist pada tahun 1905 dan *Seven Day Adventist* pada tahun 1920 serta *Borneo Evangelical* pada tahun 1928.⁵³ Namun demikian, matlamat awalnya untuk merosakkan akidah masyarakat Melayu yang memeluk Islam ternyata menemui kegagalan. Bahkan klimak kebencian orang Islam dalam misi Kristian ialah dengan membunuh orang terpenting dalam gerakan tersebut iaitu Charles Fox dan Henry Steele sehingga menakutkan paderi-paderi dari England untuk datang ke Sarawak. Sharif Mashor dan Datuk Patinggi Imam Abdul Ghafur dituduh menjadi dalang kepada pembunuhan tersebut sehingga kumpulan mereka diserang habis-habisan. Gerakan mereka diketahui oleh keluarga Brooke kerana ada segelintir pemimpin Melayu yang memecahkan rahsia gerakan dan konspirasi dua tokoh yang terlibat dalam pembunuhan tersebut.⁵⁴

Hasilnya gerakan kebangkitan orang Melayu tersebut menyebabkan halatuju SPG kepada masyarakat Cina dan Dayak. Ulama dikatakan berperanan menyelamatkan akidah masyarakat Melayu daripada tergelincir untuk menganut kristian. Peranan Datuk Hakim Keramat yang berperanan untuk memulihkan dan memantapkan akidah masyarakat Melayu Islam di Sarawak. Beliau terpaksa kembali daripada Mekah ke Sarawak untuk misi penyelamatan. Beliau dan beberapa pemimpin Melayu Sarawak berusaha mendirikan institusi pendidikan yang menjuruskan kepada bidang keislaman baik secara formal mahupun sebaliknya. Masjid diperbesarkan dengan mengadakan kutipan derma untuk tujuan keselesaan jamaah yang semakin hari bertambah ramai. Pada tahun 1852, masjid yang kedua siap dibina dan dikenali dengan masjid Besar Sarawak.⁵⁵

Kesan daripada penjajahan yang panjang tersebut melahirkan masyarakat Islam yang jauh daripada pegangannya. Gerakan sosio masyarakat zaman Brooke dan kerajaan British lebih memfokuskan kepada hiburan yang dipandang tidak sihat dalam ajaran Islam. Sekitar tahun 1920-an lahir beberapa

⁴⁹ Habid Buhigiba (1995), "Perkembangan Islam di Sarawak," h. 28-35.

⁵⁰ Nordi Achie (2013), *Kolonialisasi Dan Kristianisasi Melayu Di Sarawak 1850-1950*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, h. 17

⁵¹ Idris Zakaria (2003), "Pendidikan Islam di Sarawak: Peranan Dato Hakim Imam Haji Morshidi," *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II*, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 297.

⁵² Peter D. Varney (1968), "The Anglican Church in Sarawak from 1848-1852," *Sarawak Museum Journal*, Jil. xvi, Bil. 22-23, h. 378.

⁵³ B. A. S. Hepburn (1949), *The Handbook of Sarawak*, Singapore: Malaya Publishing House, h. 137-142

⁵⁴ Mohd. Hasbie Sulaiman (1989), *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, Kuching: Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, h. 10-12.

⁵⁵ Habid Buhigiba (1995), "Perkembangan Islam di Sarawak," h. 11-24.

kelab seperti *Kampung Tanjung Kesenangan Club (1926)*, *Sinjan Music Club* dan *Sourbaya Jolly Minsterel*.⁵⁶ Meskipun penjajah gagal mengubah akidah masyarakat Melayu, namun gaya hidup orang Melayu berubah mengikut cara penampilan dan gaya kehidupan barat. Kehidupan sosial yang tidak sihat dikritik dalam surat khabar Melayu yang pertama, *Fajar Sarawak* pada tahun 1930. Kritikan tersebut mengaitkan kemunduran masyarakat Melayu Islam disebabkan oleh pelanggaran syariat dan sikap mereka. Oleh yang demikian, mereka harus berubah untuk mencapai matlamat pembangunan masyarakat Melayu yang mantap.⁵⁷

Impak Besar

Ketika membincangkan kesan atau impak terhadap perkembangan Islam di Sarawak, secara praktis memang nampak ketara perkembangan yang boleh dikatakan pasif dan sederhana. Ini atas beberapa faktor iaitu tekanan faktor penjajah, faktor pemerintah bukan Islam di awal kemerdekaan, faktor populasi yang minoriti dan faktor sosio masyarakat Melayu Sarawak yang dipengaruhi oleh barat. Namun demikian, ketika tuntutan kemerdekaan dilaungkan oleh para pejuang Melayu nasionalis dan Islam, pemerintah British bahawa masyarakat Melayu diberikan satu hak yang cukup mahal iaitu mendirikan Majlis Islam Sarawak pada 1 Mei 1955, iaitu 8 tahun sebelum pembentukan Malaysia. Inilah yang dikatakan sebagai impak keorganisasian yang bermanfaat kepada masyarakat Islam di Sarawak. Walaupun pada fasa awal pergerakannya agak kepada administratif sahaja, namun demikian perkembangan terkemudian kepada hukum hakam dan akhirnya dakwah secara organisasi.

Meskipun organisasi Majlis Islam Sarawak tidak berperanan aktif dalam organisasi pendidikan Islam, mereka yang bermain dalam Majlis Islam Sarawak lebih berperanan secara luaran dengan memberikan bantuan secara aktif untuk membantu perkembangan sekolah agama di Sarawak. Sekolah agama rakyat dibantu meskipun pergerakannya amat perlahan atas alasan tekanan, kekangan dan sumber daya manusia yang minima. Keupayaan sekolah agama seperti al-Madrasah al-Islamiyah ternyata melahirkan beberapa orang ulama yang terkenal yang menjadi generasi pelapis ulama awal abad ke 20.

Sepak terajang dakwah di Sarawak seperti yang tersebut di atas tadi memang tidak sama seperti kebanyakan di Nusantara. Gambaran perlahan dalam dakwah bukan ulamaknya pasif tetapi senario luaran menjadikannya seolah-olah perlahan. Namun di sudut lain, usaha dan upaya para ulamak menjadi dakwah terus berjalan terus konsisten. Baca artikel penulis yang berjudul trio ulamak Sarawak yang mereka bermain di kancah dakwah tanpa melihat hasil tetapi proses dakwah itu menjadikan matlamat usaha pengembangan dakwah yang terkehadapan. Bukan soal siapa yang menjadi juara dai yang mampu mengubah lanskap Islam di Sarawak tetapi proses dakwah mereka adalah satu suntikan dakwah berterusan sehingga sekarang ini. Oleh yang demikian, metod dakwah mereka sederhana tetapi sehingga sekarang ini nama trio ulama tersebut tidak dilupai sehingga sekarang.

Seperti mana dinyatakan di atas tadi impak sosial lebih menampakkan kebaratan. Namun demikian, proses para ulamak yang berusaha mengabungkan pentadbiran, pendidikan dan dakwah Islamiyah, maka masalah sosial yang timbul impak kolonialisasi dapat dikikis sedikit demi sedikit. Tabiat dan perlakuan umat Islam Sarawak tidak seteruk sebelumnya. Dan setiap perubahan perlu ada proses. Cepat atau lambat bukan jadi ukuran tetapi yang penting masyarakat Islam berubah sedikit demi sedikit ke arah yang positif.

Penutup

Sesungguhnya perkembangan Islam di Sarawak mengikut polanya yang tersendiri dan unik dibincangkan kerana faktor kesukaran yang lebih mendominasi dalam masyarakat Islam di Sarawak pada masa pra dan pasca pembentukan Malaysia. Namun demikian, perubahan masyarakat Islam di Sarawak berada dalam landasannya atas kerana peranan dan kefungisian para ulamak yang tidak jemu mencari kaedah yang sesuai untuk menjadikan masyarakat Islam dapat bertahan dalam masyarakat Sarawak yang dinamis dan multi kultural dan agama.

⁵⁶ Sanib Said (1985), "Islam di Sarawak: Sejarah Ringkas 1476-1941," dalam *Islam di Malaysia*, Selangor: Persatuan Sejarah Malaysia, h.181

⁵⁷ Habid Buhigiba (1995), "Perkembangan Islam di Sarawak," h. 28-35.

Perkembangan institusi Islam di Sarawak terutama penubuhan Majlis Islam Sarawak banyak memberikan perubahan yang signifikan kepada masyarakat Islam Sarawak. Melalui Majlis Islam Sarawak maka lahir Baitulmal yang mampu membantu pendidikan Islam dan dakwah di Sarawak. Dana yang ada dapat membangun masyarakat Islam secara teratur.

Manakala aspek perkembangan institusi sosial masyarakat Islam lebih cenderung kepada menghadapi cabaran gerakan kristianisasi dan juga kehidupan barat. Gerak dakwah dan pendidikan Islam yang dikendalikan dan dilaksanakan oleh Majlis Islam Sarawak dapat mengawal masyarakat Islam tidak terpesong dari aspek akidah.

Rujukan

Abdul Kadir Hassan (1975), *Sejarah Perkembangan Majlis Islam Sarawak*, No Ruj. 37/MI/1.

Abdul Kadir Hassan (1983), *Sejarah Penubuhan Majlis Islam Sarawak dan Latar Belakang Penubuhan Mahkamah Syariah*, Sejarah Majlis Islam Sarawak, Kuching: Majlis Islam Sarawak.

Abdul Kadir Hassan (1984), "Undang-Undang Melayu Sarawak, 1956," dalam *Buku Cenderamata Pembukaan Rasmi Bangunan Mahkamah Syariah Sarawak*, Kuching: Mahkamah Syariah.

Abdul Kadir Hassan (1985), "Sejarah Ringkas Perundangan Bagi Umat Islam Negeri Sarawak," dalam *Buku Cenderamata Sempena Perasmian Mahkamah Syariah Negeri Sarawak*, Kuching: Mahkamah Syariah.

Abdul Razak Abdul Kadir (2007), *Dato Sri Anis bin Abot Pemikiran dan Sumbangannya Dalam Institusi Islam Negeri Sarawak*, Kuching: Majlis Islam Sarawak.

Abdul Razak Abdul Kadir, Nurul Azhar Ahmad dan Siti Asmah Khalid (2022), "Membongkar Hubungan Kekeluargaan dan Politik Silam Kerajaan Sambas dan Brunei: Kajian Kualitatif Berasaskan Manuskrip," *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, Jil. 7, Bil. 45, 258-272.

Anis Abot (2000), *Sejarah Majlis Islam Sarawak*, Kuching: Majlis Islam Sarawak.

Che Bakar Che Mat (ed.) (2006), *Perkembangan Islam di Nusantara*, Shah Alam: UiTM Press.

Ezad Azraai Jamsari (2003), "Peranan Pendidikan Islam Dalam Pembentukan Budaya Masyarakat Islam di Kuching, Sarawak," Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Habid Buhigiba Muhammad Bustamam (1995), "Perkembangan Islam di Sarawak," Latihan Ilmiah Sarjana Muda, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Haji Awang Asbol bin Haji Mail (2009), "Kesultanan Melayu Brunei dalam Konflik Mukah pada Abad ke-19: Satu Perbandingan antara Perspektif Sumber Barat dan Tempatan," *Sosiohumanika*, Jil. 2, Bil. 2, 165-180.

Hasanuddin Bujang dan Saimi Bujang (2021), "Pengetahuan Masyarakat Islam di Sarawak terhadap Ar-Rahnu," *Jurnal Pengajian Islam*, Jil. 14, Bil. 2, 70-88.

Hashim Fauzy Yaacob (2021), "Perspektif Orientalisme Tentang Islam di Borneo," *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, Jil. 8, Bil. 2, 49-66.

Hepburn, B. A. S. (1949), *The Handbook of Sarawak*, Singapore: Malaya Publishing House.

Ho Ah Chon (t.t.), *Kuching In Pictures 1840s-1960s*, Kuching: Vanguard Press.

Ho Hui Ling (2001), "Penyerahan Sarawak Kepada Kerajaan British, 1946-1951," *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Jil. 29, 43-73.

- Ho Hui Ling (2019), "Gerakan Antipenyserahan Di Sarawak, 1946-1949: Penentangan Orang Melayu Terhadap Penjajah British," *Journal of Al-Tamaddun*, Jil. 14, Bil. 1, 73-88.
- Idris Zakaria (2003), "Pendidikan Islam di Sarawak: Peranan Dato Hakim Imam Haji Morshidi," Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Juanda Jaya (2003), "Organisasi Dakwah Bukan Kerajaan di Sarawak: Sejarah dan Peranan," dalam *Islam di Sarawak dan Sabah*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Hasbie Sulaiman (1989), *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, Kuching: Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak.
- Muda@Ismail Abdul Rahman, F. S. I. (2003), "Peranan Ulama Sarawak Dalam Perkembangan Pendidikan Islam di Sarawak," Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Naimah Radzi dan Avid Leonardo Sari (2019), "Islamic Education in Singapore: Case Study Madrasah Al-Juneid Al-Islamiah," *International Journal of Science And Society*, Jil. 1, Bil. 2, 14-26.
- Najihah Abdul Mutalib dan Ismar Liza Mahani Ismail (2020), "Persepsi Masyarakat Tentang Peranan Ulama Silam Terhadap Perkembangan Islam di Sarawak: Kajian di Bahagian Bintulu," *Journal of Human Capital Development*, Jil. 13, Bil. 2, 21-36.
- Noranizah Yusuf, Wan Kamal Mujani dan Ezad Azraai Jamsari (2007), "Tokoh Ulama di Sarawak dan Peranannya terhadap Kelangsungan Islam Zaman Pemerintahan Brooke," Nadwah Ulama Nusantara, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nordi Achie (2013), *Kolonialisasi Dan Kristianisasi Melayu Di Sarawak 1850-1950*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Nurul Azhar Ahmad, Abdul Razak Abdul Kadir dan Siti Asmah Khalid (2022), "Madrasah Al-Islamiah Kuching, Sarawak: Satu Kajian Historikal," *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, Jil. 7, Bil. 45, 201-212.
- P. M. Hashim (1841), Penyerahan sarawak kepada James Brooke Bersyarat, (PS/A/SP/3/93), Pusat Sejarah Brunei.
- Pejabat Majlis Islam Sarawak (1958), *Ahli Majlis Islam Sarawak*, No. 20/MI/34.
- Pejabat Majlis Islam Sarawak (1961), *Ahli Majlis Islam Sarawak*, No. 25/MI/34.
- Ritchie, James (2001), *Tun Ahmad Zaidi: Anak Watan Sarawak*, Selangor: Pelanduk Publication.
- S. O. A. Saifuddin (1843), *Surat Perjanjian Antara Sultan Omar Ali kepada James Brooke*. Surat Perjanjian Antara Sultan Omar Ali kepada James Brooke, (PS/A/SP/96), Pusat Sejarah Brunei.
- Sanib Said (1985), "Islam di Sarawak: Sejarah Ringkas 1476-1941," dalam *Islam di Malaysia*, Selangor: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Sanib Said (2009), *Malay Politics In Sarawak 1946-1966: The Search For Unity And Political Ascendancy*, Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Sarawak Education Department (1955), *Sarawak Education Department Annual Summary for 1955*, The Sarawak Government Printing Office & W.J Chater, Government Printer.
- Sarawak Government Gazette (1957), *Undang-Undang Melayu Sarawak*, Kuching: The Sarawak Government Printing Office & W.J Chater, Government Printer,

Journal of Al-Tamaddun, Vol. 18 (1), 2023, 1-14

Suffian Mansor dan Awang Azman Awang Pawi (2019), "Peradaban Melayu Sarawak dalam Konteks Nusantara," *Jurnal Melayu Sedunia*, Jil. 2, Bil. 1, 278-305.

Templer, John Charles (1853), *The Private Letters of Sir James Brooke, KCB, Rajah of Sarawak: Narrating the Events of His Life, from 1838 to the Present Time*, Vol. 3, Richard Bentley.

Temu bual Abdul Razak Abdul Kadir bersama Anis Abot (2009).

The Sarawak Government Gazette (1955), Extraordinary Appointment of Members of Majlis Islam, (Part V, Vol X, No 29, No. 573,), Majlis Islam Sarawak, Kuching.

Varney, Peter D. (1968), "The Anglican Church in Sarawak from 1848-1852," *Sarawak Muzeum Journal*, Jil. xvi, Bil. 22-23.

Ward, A. B. (1927), *Outlines of Sarawak History, 1839-1917*, US Government Printing Office.